



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Melayu
Date	17/08/2017B

Penganjur yang mulakan kekecohan – Ahli PPBM

SHAH ALAM 16 Ogos - Cubaan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) untuk menuding jari kepada UMNO berhubung kekecohan yang berlaku dalam forum *Nothing To Hide 2.0* Ahad lalu ternyata menjadi senjata makan tuan berikutan pelbagai pihak mula mendedahkan kejadian sebenar.

Terbaharu, Pengarah Logistik dan Gerak Gempur Keselamatan (PPBM) Bahagian Shah Alam, Wan Mohammad Asyraf Nasjaruddin sendiri tampil memaklumkan bahawa pihak penganjur yang mula membalikkan objek terhadap mereka yang bertanya soalan panas kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, sepatutnya selepas Exco Angkatan Bersatu Anak Muda (Armada), Mohamad Taufik Abas bertanyakan soalan, dia adalah individu yang seterusnya tetapi sebaik sahaja Dr. Mahathir mula menjawab isu Memali, kerusi dilemparkan dan betul-betul melintasi kepalanya.

"Kerusi itu bukan dilemparkan kepada Dr. Mahathir sepertimana didakwa Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Ketua Armada) sebaliknya, dilemparkan kepada kami yang bertanyakan soalan panas kepada Dr. Mahathir. Soalnya kenapa perlu buat begitu sedangkan ia forum *Nothing To Hide*."

"Pada saya, penganjur dan urus setia sengaja memulakan kekecohan bagi memastikan kami tidak bertanya soalan kepada Dr. Mahathir. Rakaman siapa yang memulakan insiden ini sudah tular dan rakyat boleh melihatnya



WAN MOHAMMAD ASYRAF NASJARUDDIN menunjukkan laoran polis yang dibuatnya di ibu pejabat Polis Daerah Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/ MOHD SHAHARNI SAIBI

sendiri," katanya kepada pemberita di Ibu pejabat Polis Daerah Shah Alam di sini hari ini.

Terdahulu, Wan Mohammad Asyraf tampil membuat dua laporan polis iaitu pertama berhubung insiden sebenar kekecohan pada Ahad dan kedua bagi melindungi keselamatan diri dan keluarga setelah mendapat ugutan bunuh daripada kalangan ahli PPBM sendiri di Facebooknya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Syed Saddiq perlu bertang-

gungjawab di atas insiden terbabit dengan segera melepaskan jawatan kerana jelas Ketua Armada tersebut gagal menjaga keselamatan Dr. Mahathir dan juga orang ramai yang hadir dalam program berkenaan.

"Syed Saddiq tidak perlu menuding jari mencari salah orang lain atas kegagalan dan kelemahan beliau sendiri. Dia sudah jelas terbukti gagal apabila tidak mampu mengawal keadaan dan lebih malang lagi urus setia dia sendiri yang memulakan kekecohan ini," katanya.

Kepada soalan mengenai ugutan bunuh pula, Wan

Mohammad Asyraf berkata, dia percaya perkara itu ada kaitan dengan kelantangannya bersuara dan ditambah lagi ketika kekecohan berlaku pada Ahad, dia bersama beberapa lagi rakan turut hadir untuk bersemuka dengan Dr. Mahathir.

"Apa pun bagi saya ugutan ini sudah melampau kerana ia bukan sahaja dibuat ke atas saya tetapi seluruh keluarga dan saya serahkan perkara ini kepada polis untuk berbuat sesuatu dengan segera," ujarnya.

